



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V)
(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Kerajaan Malaysia telah melantik MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V) ("MRT Corp") sebagai pemilik dan pemaju Projek MRT Lembah Klang dan MMC GAMUDA KVMRT (PDP) SDN BHD (927050-H) sebagai Rakan Penghantaran Projek yang bertanggungjawab dalam melaksana dan memastikan laluan MRT beroperasi sepenuhnya, juga dikenali sebagai MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang.

Tujuan peringkat Pra-Kelayakan ini adalah untuk mengenal pasti Kontraktor Pakej Kerja yang layak dan seterusnya akan dijemput untuk mengemukakan tender bagi pakej kerja yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

MRT Corp ingin menjemput bakal pemohon untuk mengambil bahagian dalam peringkat Pra-Kelayakan. Setiap pemohon dikehendaki mengemukakan Dokumen Pra-Kelayakan yang lengkap bersama maklumat sokongan. Pemohon sedia maklum penyertaan dalam peringkat Pra-Kelayakan tidak menjamin jempunan ke peringkat tender yang seterusnya.

Semua penyertaan akan dikaji dan disaringkan atas dasar kandungan, kelengkapan dan kualiti. Hanya pemohon yang berjaya di peringkat Pra-Kelayakan akan diberitahu untuk meneruskan ke peringkat seterusnya yang membawa ke peringkat penyerahan tender.

TAJUK PRA-KELAYAKAN & NO. PRA-KELAYAKAN	SYARAT-SYARAT PEMOHON		
	Kontraktor Tempatan	Firma Milik Asing Sebagai Rakan Usaha Sama Dengan Kontraktor Tempatan	Taklimat Pra-Kelayakan Mandatori
<p>PERMOHONAN PRA-KELAYAKAN BAGI CADANGAN PEMBINAAN DAN PENYIAPAN JEJANTAS DIBAYAR PASAR SENI DAN KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI ANTARA STESEN LRT PASAR SENI DAN STESEN KTM KUALA LUMPUR UNTUK PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG: JAJARAN SUNGAI BULOH-KAJANG</p> <p>NO. PRA-KELAYAKAN: MRTCORP/KVMRT-SBK/CW/35/105-2015</p> <p>Skop kerja umum merangkumi:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja cerucuk 2. Jejantas pejalan kaki 3. Kerja-kerja mekanikal dan elektrik 4. Kerja-kerja luar dan sempingan 5. "Interfacing and integrating" dengan kerja-kerja sistem 6. Kerja-kerja lain yang berkaitan 	<p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Gred G7; dan • Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) 	<p>a) Ditubuhkan di Malaysia</p> <p>Salinan Borang 8 atau Borang 9 atau Borang 13 atau Borang 14A yang disahkan (jika ada)</p> <p>dan/atau</p> <p>b) Berdaftar di Malaysia</p> <p>Salinan Borang 83 atau Borang 83A yang disahkan (jika ada)</p> <p>DAN</p> <p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</p> <p>Sijil Pendaftaran Sementara</p>	<p>Tarikh : Selasa, 18 Ogos 2015</p> <p>Masa : 10:00 pagi</p> <p>Tempat : Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, Wisma MRT, Tingkat 2, No. 21, Jalan Gelanggang, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.</p> <p>Pemohon perlu mendaftar di tempat seperti di atas antara pukul 8:30 pagi hingga 9:30 pagi. Maksimum 2 wakil daripada setiap pemohon dibenarkan hadir.</p> <p>Wakil daripada setiap pemohon hendaklah berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang pra-kelayakan, tender dan kontrak bagi kerja yang dinyatakan serta diberi kuasa oleh syarikat.</p>

Dokumen Pra-Kelayakan boleh dibeli mulai **18 Ogos 2015** (selepas taklimat pra-kelayakan) sehingga **2 September 2015** dari:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN PRA-KELAYAKAN	MASA JUALAN DOKUMEN PRA-KELAYAKAN
<p>Jabatan Perolehan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd Tingkat 6, Menara I & P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia</p>	<p>Isnin hingga Khamis: 9:00 pagi - 12:30 tengah hari dan 2:00 petang - 5:00 petang</p> <p>Jumaat: 9:00 pagi - 12:00 tengah hari dan 3:00 petang - 5:00 petang</p>

Pemohon dikehendaki menyerahkan dokumen seperti berikut:

- a) Dokumen Pra-Kelayakan yang telah lengkap berserta dokumen-dokumen sokongan yang komprehensif;
- b) Satu (1) dokumen asal dan satu (1) dokumen salinan di dalam fail (jenis 2 cincin) dengan pembahagi indeks bagi setiap bahagian; dan
- c) Satu (1) CD/DVD-ROM yang mengandungi salinan elektronik dalam format PDF dengan pembahagi indeks bagi setiap bahagian.

Pemohonan untuk Dokumen Pra-Kelayakan mesti disertakan dengan Draf Bank atau "Banker's Cheque" berjumlah sebanyak **RM212.00** (termasuk 6% GST) di atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** (tidak dikembalikan).

Dokumen Pra-Kelayakan yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan 'Pre-Qualification Application for the Proposed Construction and Completion of Pasar Seni Paid Link and Other Associated Works Between Existing Pasar Seni LRT Station and Kuala Lumpur KTM Station'. Tajuk mestilah ditulis/dicetak di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Pra-Kelayakan di **Jabatan Perolehan seperti alamat di atas tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari, 17 September 2015 (Khamis)**.

Selain dari syarat-syarat Pra-Kelayakan di atas, pemohon **WAJIB** memenuhi **Kriteria Wajib** seperti berikut:

KRITERIA WAJIB

Kontraktor prospektif yang memenuhi kriteria berikut dan berminat untuk menawarkan khidmat bagi melakukan kerja-kerja di atas adalah dijemput untuk menghantar dokumen-dokumen Pra-Kelayakan yang telah dilengkapi.

- Telah berjaya menyiapkan sekurang-kurangnya 1 projek pelbagai disiplin yang sama (lapangan terbang, rel, hospital, kilang, pusat pameran, komersil) dalam tempoh 10 tahun terakhir yang lepas dengan nilai kontrak minima RM100 juta; dan
- Telah berjaya menyiapkan dalam tempoh 10 tahun terakhir yang lepas sekurang-kurangnya 1 projek baru dan/atau perubahan/pengubahsuaian berdekatan 'live operational environment' seperti stesen rel transit atau depot, lapangan terbang atau operasi pengangkutan lain, pelabuhan, atau hospital dengan nilai kontrak minima RM10 juta.

Nota:

1. Pra-Kelayakan adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan dan di bawah gred dan kategori seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah untuk Pra-Kelayakan dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini.
2. Pemohon mestilah merupakan syarikat tempatan dan mesti memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
3. Pemohon wajib menghadiri taklimat pra-kelayakan sepertimana yang dijadualkan di atas.
4. Dokumen Pra-Kelayakan akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Pemohon boleh meneliti Dokumen Pra-Kelayakan sebelum membuat pembelian.
5. Kesemua pemohon mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
6. MRT Corp **TIDAK AKAN** melayan sebarang permintaan untuk membeli Dokumen Pra-Kelayakan sebelum dan/atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
7. Dokumen Pra-Kelayakan ini hanya akan dijual kepada wakil pemohon yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil pemohon **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil serta dokumen yang berkenaan yang '**ASAL**' dan '**SALINAN YANG DISAHKAN oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A**).
8. Selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005], adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sampah **TIDAK** akan diterima.
9. Sebarang pertanyaan berhubung dengan Pra-Kelayakan ini hendaklah dibuat secara bertulis dan difakskan ke talian **03-2095 2121** atau e-mel ke procurement@mymrt.com.my. Maklumat lanjut mengenai projek MRT boleh dilayari di laman web www.mymrt.com.my.
10. MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana pemohon serta membatalkan proses Pra-Kelayakan ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap pemohon yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.